

## **KENYATAAN AKHBAR**

### **MAJLIS PERASMIAN SAMBUTAN HARI PELADANG, PETANI, PENTERNAK DAN NELAYAN 2014**

Sabtu, 08 Muharam 1436H / 01 November 2014M  
Dewan Muhibah, Lapangan Terbang Lama, Berakas  
Negara Brunei Darussalam

---

Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama melalui Jabatan Pertanian dan Agrimakanan dan Jabatan Perikanan telah mengadakan Majlis Perasmian Sambutan Hari Peladang, Petani, Penternak dan Nelayan 2014 pada hari Sabtu, 08 Muharam 1436H bersamaan 01 November 2014M bertempat di Dewan Muhibah, Lapangan Terbang Lama, Berakas.

Hari Peladang, Petani, Penternak dan Nelayan 2014 ini diadakan bagi memberikan pengiktirafan keatas usaha-usaha dan sumbangan para peladang, petani, penternak dan nelayan dalam menyumbang kepada ekonomi Negara dan sebagai penjana makanan Negara. Tema sambutan Hari Peladang, Petani, Penternak dan Nelayan 2014 masih dikekalkan iaitu Makanan Terjana Negara Selamat. Ini adalah bagi menghayati tema berkenaan dalam mengambil kira keperluan makanan Negara akan terjamin dengan adanya usaha-usaha pengeluaran makanan tempatan.

Tahun ini adalah merupakan kali kelima sambutan Hari Peladang, Petani, Penternak dan Nelayan diadakan sejak pengisytiharan Hari Peladang, Petani, Penternak dan Nelayan dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 19 November 2009 sempena Ekspo Pertanian Dan Agrimakanan 2009 di Kg Tungku. Berikutan pengisytiharan tersebut, sambutan Hari Peladang, Petani, Penternak dan Nelayan disambut pada 1 November setiap tahun.

Majlis Perasmian Sambutan Hari Peladang, Petani, Penternak dan Nelayan 2014 telah disempurnakan oleh Tetamu Kehormat pada majlis tersebut iaitu Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Negara Brunei Darussalam.

Turut sama hadir di majlis tersebut ialah Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negeri, Setiausaha-Setiausaha Tetap, Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap, Ketua-Ketua Jabatan, Pegawai-Pegawai dan Kakitangan dari Jabatan-Jabatan di bawah Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama serta Agensi-Agensi Kerajaan yang berkaitan. Juga hadir ialah para Peladang-Peladang, Petani-Petani, Penternak-Penternak dan Nelayan-Nelayan di Negara ini serta pengusaha-pengusaha Agrimakanan.

Acara kemuncak pada majlis berkenaan ialah Penyampaian Anugerah Hari Peladang, Petani, Penternak dan Nelayan 2014 oleh Tetamu Kehormat Majlis kepada pemenang-pemenang bagi tahun 2014.

Pada tahun ini hanya terdapat lima (5) anugerah diberikan iaitu:

Kategori yang dianugerahkan oleh Jabatan Pertanian dan Agrimakanan:

1. Anugerah Peladang, Petani dan Penternak Berdaya Maju
2. Anugerah Pengusaha Padi Berjaya

Kategori yang dianugerahkan oleh Jabatan Perikanan adalah:

1. Anugerah Penternak dan Nelayan Berjaya
2. Anugerah Penternak dan Nelayan Berdaya Maju
3. Anugerah Penternak dan Nelayan Inovatif

Kesemua pemenang menerima wang tunai nilai mengikut kategori di samping trofi dan sijil.

Pada Sambutan Hari Peladang, Petani, Penternak dan Nelayan pada tahun ini, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan dan Jabatan Perikanan akan mengadakan Hari Terbuka Pertanian, Perikanan dan Agrimakanan yang mana bertujuan bagi memberigakan perkhidmatan-perkhidmatan dari Jabatan Pertanian dan Agrimakanan dan Jabatan Perikanan dalam mendokong para PPPN ke arah kemajuan dan pembangunan Industri-Industri Pertanian, Agrimakanan, Perikanan di Negara ini.

Aktiviti-aktiviti Hari Terbuka Pertanian, Perikanan dan Agrimakanan yang telah dirancang adalah seperti berikut:

1. Pameran perkhidmatan-perkhidmatan Jabatan Pertanian & Agrimakanan dan Jabatan Perikanan, pameran, maklumat kerjaya dan peluang-peluang pekerjaan dan perusahaan dalam industri pertanian, perikanan dan agrimakanan dan pada masa yang sama akan diadakan klinik-klinik khidmat nasihat dalam sektor-sektor pertanian, perikanan dan agrimakanan;
2. Pameran dan Jualan produk pertanian, perikanan dan agrimakanan dari para peladang, petani, penternak dan nelayan serta pengusaha agrimakanan dari ke empat-empat daerah.

Hari Terbuka Pertanian, Perikanan dan Agrimakanan ini dibukakan kepada orang ramai selama tujuh hari bermula **dari 01 hingga 07 November 2014** dan diadakan bertempat di dalam dan kawasan lobi dan perkarangan Ibu Pejabat Jabatan Pertanian dan Agrimakanan iaitu kawasan bersebelahan dengan Dewan Muhibah tempat perasmian sambutan HPPPN 2014. Hari Terbuka Pertanian, Perikanan dan Agrimakanan tersebut akan dibukakan kepada orang ramai bermula dari **hari Sabtu, 01 November 2014 (sebelah petang) hingga hari Jumaat, 07 November 2014.**

**Hari Terbuka tersebut dibuka kepada orang ramai bermula dari jam 8 pagi hingga 5.30 petang setiap hari kecuali pada hari Jumaat dari 8 pagi hingga 12 tengah hari & dari jam 2 petang hingga 5.30 petang.**